

21/11/2000

Kampus UIAM dirasmi April tahun depan

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ditubuhkan pada 1983 oleh Kerajaan Malaysia dengan tajaan bersama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan beberapa negara lain akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, April tahun depan.

Universiti itu yang kini mempunyai kampusnya di Gombak, dan cawangannya di Kuala Lumpur, Kuantan, Pahang dan Petaling Jaya, Selangor menawarkan pelbagai peluang unik untuk mencapai kecemerlangan akademik serta perkembangan kerjaya.

UIAM adalah universiti Islam moden yang komited terhadap pendekatan menyeluruh sebagai institusi pengajian tinggi yang menganggap ilmu adalah amanah Tuhan yang mesti digunakan sebaik-baiknya untuk kesejahteraan hidup.

Rektornya, Prof Dr Mohd Kamal Hassan berkata, tarikh sebenar majlis perasmian itu belum ditetapkan tetapi persiapan sudahpun diatur untuk menerima tetamu kehormat dari dalam dan luar negara.

Antara tetamu luar negara ialah Setiausaha Agung Yayasan Zayed dari Kuwait, Salim Obaid Al Dahi; Presiden Yayasan Iqraq dari Arab Saudi, Dr Abdo Yamani; wakil Bank Pembangunan Islam, Dr Mohamad Mohd Ali; Pemerintah Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu, Sultan Mohamad Al Qasim; Pengerusi Dana Perpaduan Islam, OIC, Nasser Abdullah; wakil Yayasan Juma Majid dari Dubai dan tokoh yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan universiti itu.

Serentak dengan perasmian itu, persidangan ketua universiti yang menganggotai Persatuan Universiti Negara Islam akan diadakan di Kampus UIAM, Gombak, persidangan yang julung kali diadakan di negara ini oleh gabungan yang disertai kira-kira 160 universiti itu.

Beliau berkata, pengajaran dan pembelajaran di universiti itu menggabungkan sumber ilmu wahyu ke dalam kurikulum sains dan sasteranya agar dapat menyumbang kepada tradisi keintelektualan dan peningkatan jati diri masyarakat.

UIAM juga adalah satu-satunya universiti awam tempatan yang dikhususkan untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar manakala bahasa Arab sebagai bahasa di Kulliyah Ilmu Wahyu.

"Ketika ditubuhkan pada 1983, UIAM hanya mempunyai dua kulliyah (fakulti) dan dua pusat tetapi kini terdapat tujuh kulliyah semuanya dengan 9,504 pelajar.

"Tenaga pensyarah yang mengajar program ijazah pertama ialah 533 dan 58 peratus atau 310 daripada mempunyai kelayakan kedoktoran termasuk 55 bertaraf profesor serta 77 profesor madya.

"UIAM kini menawarkan 64 program akademik iaitu 24 ijazah sarjana muda, 23 ijazah sarjana, 12 kedoktoran dan lima diploma lepasan ijazah," katanya di Gombak, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kampus induk di Gombak menempatkan Kulliyah Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan, Kulliyah Undang-undang, Kulliyah Pendidikan dan Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Kulliyah Kejuruteraan dan Kulliyah Seni Bina dan Rekaan Alam Sekitar.

Kampus Kuantan, Pahang kini menempatkan Kulliyah Perubatan dan universiti itu merancang untuk menubuhkan Kulliyah Sains dan Farmasi serta Kulliyah Pergigian tahun depan.

Kampus Petaling Jaya, Selangor menawarkan Pengajian Matrikulasi dengan 12 pengkhususan untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

UIAM juga sudah menghantar permohonan kepada Kementerian Pendidikan

untuk mewujudkan Kulliyyah Teknologi Maklumat dan Multimedia.

Selain semua kulliyyah berkenaan, Dr Kamal berkata, UIAM mempunyai lapan pusat pembelajaran yang berfungsi membantu pengajar dan pelajarnya mempertingkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran, seiring dengan perkembangan ilmu dan teknologi semasa.

Pusat berkenaan ialah Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan, Pusat Undang-undang, Pusat Penyelidikan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra Universiti (Celpad), Pusat Pengurusan, Unit Jaminan Kualiti dan Pusat Kecemerlangan Pembelajaran Jarak Jauh dan Berterusan.

UIAM juga mempunyai Pusat Aktiviti Kebudayaan yang mempunyai Dewan Besar yang mampu memuatkan 4,000 orang dalam sesuatu majlis.

Bangunan yang dibina dengan kos RM38 juta itu turut memuatkan empat bilik seminar yang setiap satu boleh memuatkan 55 peserta, dua bilik persidangan yang setiap satu boleh memuatkan antara 50 hingga 100 peserta, dewan pameran, ruang jamuan, pentas dan bilik persalinan.

Dewan canggih yang mempunyai peralatan audio visual terkini itu juga disewakan kepada orang awam. Selain itu, universiti itu juga mempunyai asrama, perpustakaan, pusat perubatan 24 jam, kafetaria dan bank.

Dengan konvokesyen Oktober lalu, UIAM sudah 16 kumpulan graduan dan bilangan alumni universiti itu kini berjumlah 17,675 dengan pecahan 10,931 pelajar ijazah asas dan 6,744 pelajar ijazah pasca siswazah.

(END)